

10 MAR 1996

Mahathir - Jelajah

PM HARAP LEBIH RAMAI TONTON JELAJAH LANGKAWI TAHUN DEPAN

LANGKAWI, 10 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kejayaan perlumbaan sulung Jelajah Langkawi '96 (Le Tour De Langkawi `96) diharap akan menarik minat lebih ramai orang menontonnya pada masa akan datang.

Walaupun tidak ramai yang menonton perlumbaan itu tetapi Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan sambutan orang ramai terhadap perlumbaan mengelilingi Semenanjung Malaysia yang disifatkannya sebagai sederhana.

"Tidak ramai yang menontonnya kali ini mungkin kerana mereka tidak menyedari ada satu perlumbaan basikal bertaraf antarabangsa sedang berlangsung.

"Jadi saya harap tahun depan lebih ramai lagi akan memberi sokongan dan menonton acara ini," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan perlumbaan mengelilingi Langkawi yang menjadi kemuncak pertandingan 10 hari itu.

Beliau juga memuji penganjur perlumbaan berkenaan, First Cartel, kerana kejayaan menganjurkan acara itu dengan baik meskipun ia adalah pengalaman pertama mereka.

Ketika ditanya mengenai prestasi pasukan negara pada perlumbaan itu, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan apa yang mereka mampu lakukan.

"Pada peringkat ini, saya berpuas hati dengan pasukan Malaysia walaupun tidak cekap dalam aspek strategi. Kita tidak begitu baik tetapi mereka tentu akan mempelajari sesuatu terutamanya tentang strategi," katanya.

Dr Mahathir berkata perlumbaan itu juga membuktikan bahawa cuaca tidak lagi menjadi faktor utama yang akan mempengaruhi prestasi sesebuah pasukan.

"Kita dapati dalam perlumbaan ini, tidak kira sama ada negara asal peserta itu panas atau sejuk, jika mereka pelumba yang berdedikasi ia tidak akan menjadi masalah.

"Umpamanya jika pelumba itu datang dari sebuah negara padang pasir yang cuacanya lebih panas daripada Malaysia tetapi ia tidak menjamin mampu bertanding dengan pelumba dari negara beriklim sejuk," katanya.

Terdahulu, pada persidangan akhbar selepas perlumbaan jelajah itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak menyangka acara itu telah menarik penyertaan lebih 150 orang pelumba profesional asing.

"Pada awalnya, apa yang saya inginkan ialah perlumbaan di sekitar pulau ini sahaja tetapi pihak penganjur berpendapat ia boleh diadakan mengikut taraf antarabangsa dengan mengelilingi Semenanjung dalam masa 10 hari," katanya.

Dr Mahathir, yang juga penaung jelajah itu, turut ditanya mengenai penglibatannya dalam acara itu oleh pemenang keseluruhan, Damian McDonald dari pasukan Australia, Giant-AIS.

Kemudian Dr Mahathir dihadiahkan sebuah basikal berharga RM15,000 oleh pengerusi First Cartel Wan Lokman Wan Ibrahim. -- BERNAMA